

29/06/2002

Ketaatan kakitangan awam tidak berubah

Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA, Jumaat - Ketaatan pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam kepada kerajaan tidak berubah walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah menyatakan hasrat melepaskan jawatan selepas Oktober tahun depan, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Katanya, prinsip perkhidmatan awam serta ketaatan tidak berbelah bagi kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan kerajaan yang memerintah akan terus dipegang dan segala tanggungjawab yang diamanahkan akan dilaksanakan seperti biasa.

"Bagi kita pegawai perkhidmatan awam, kita akan terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita seperti yang diamanahkan mengikut prinsip iaitu menumpukan dan memberikan sepenuh taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan kerajaan yang memerintah," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan portal berita Buletin Malaysia dan lama web Bahagian Keselamatan Negara (BKN) di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kedudukan perkhidmatan awam berikutan pengumuman mengejut Dr Mahathir Sabtu lalu serta formula peralihan kuasa yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tiga hari kemudian.

Hadir sama pada majlis itu ialah Ketua Pengarah BKN, Datuk Jaafar Ismail.

Menjawab soalan, Samsudin berkata tiada sebarang pekeliling berhubung perkara itu dikeluarkan kepada kakitangan kerajaan.

"Tidak ada pekeliling," katanya membayangkan formula peralihan kuasa yang diumumkan itu diterima pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam.

Dr Mahathir, dalam ucapan penangguhan Perhimpunan Agung Umno Sabtu lalu menyatakan kesyukuran terhadap ketaatan kakitangan perkhidmatan awam dalam melaksanakan dasar kerajaan walaupun berlaku kekeliruan ketika kemelut politik pada 1998.

Mengenai perubahan kepada Sistem Saraan Baru (SSB) yang dikatakan sudah dipersetujui kerajaan, beliau berkata perkara itu akan diumumkan Perdana Menteri kelak.

"Kita tunggulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkannya...Insya-Allah," katanya tanpa memberikan ulasan lanjut.

Mengenai Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Samsudin berkata ketua jabatan perlu mengadakan mesyuarat seperti yang diarahkan kerana mereka bertanggungjawab melaksanakannya.

Beliau berkata, kerajaan melihat MBJ sebagai forum penting bagi ketua jabatan mendapatkan maklum balas daripada kakitangan mereka selain memberikan peluang untuk kakitangan peringkat sokongan menyatakan masalah dan permintaan mereka.

"Saya faham tuntutan permintaan itu banyak dan menyukarkan pihak jabatan untuk melayan, tetapi kita berpendirian bahawa kita perlu memberi ruang untuk mereka menyuarakan masalah mereka.

"Soal sama ada permintaan itu boleh diluluskan atau tidak, itu soal lain dan perlu dibincangkan," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Samsudin mengingatkan ketua jabatan supaya memastikan laman web jabatan masing-masing sentiasa dikemaskinikan serta mengandungi maklumat yang diperlukan rakyat.

Katanya, jabatan yang terbabit dengan urusan pengeluaran permit atau lesen sepatutnya menyediakan maklumat dan borang berkaitan menerusi laman web mereka.

"Kalau orang ramai berurusan kerana untuk mendapatkan permit atau lesen, maklumat inilah yang perlu diberikan, bukan sekadar maklumat umum seperti carta organisasi," katanya.

Beliau juga berkata, keberkesanan jabatan kerajaan menyampaikan fakta dan maklumat menerusi laman web masing-masing amat penting bagi memastikan rakyat tidak terpengaruh dengan fitnah yang disebarkan menerusi Internet.

Justeru, katanya, kewujudan portal berita Buletin Malaysia diharapkan BKN dapat menyalurkan maklumat benar dan tepat mengenai negara bagi memperbetulkan kekeliruan yang ditimbulkan pihak yang berniat jahat terhadap kerajaan.

"Hari ini, kerajaan terpaksa mengambil masa yang panjang serta kos yang tinggi untuk memperbetulkan sikap masyarakat yang gemar membuat atau mempercayai tohmahan tanpa bukti, memutar belit isu, membuat laporan tidak benar dan menyebarkan khabar angin sehingga boleh merosakkan ekonomi negara, menjejaskan ketenteraman awam dan mengancam keselamatan," katanya.

Buletin Malaysia yang diwujudkan dua tahun lalu kini memaparkan laporan berita, rencana dan temubual eksklusif dengan pemimpin negara, termasuk dalam format TV web. Ia boleh dicapai di alamat [www.bkn.gov.my](http://www.bkn.gov.my).

(END)